

TERMA DAN SYARAT

BABY MERANGKAK RACE SIMPAN SSPN X PA&MA

1. Kempen Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2024 merupakan salah satu kempen yang telah dirangka dan dilaksanakan bermula tahun 2018 sebagai salah satu kempen promosi dalam usaha untuk menjadikan Simpan SSPN sebagai pilihan utama masyarakat untuk membuat penabungan.
2. Baby Merangkak Race Simpan SSPN X Pa&Ma adalah pertandingan secara terbuka yang disertai secara berkumpulan dengan melibatkan ahli keluarga iaitu ibu, bapa dan bayi yang bertujuan mengeratkan hubungan kekeluargaan.

TARIKH PERTANDINGAN

3. Pertandingan ini akan diadakan pada **29 September 2024 (Ahad)** bertempat di MyTown Shopping Mall, Kuala Lumpur dan masa berlangsung pada jam **4.00 petang** sehingga **6.00 petang**.
4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tarikh pertandingan ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh tersebut.

KELAYAKAN PENYERTAAN

5. Umur : 6 bulan – 12 bulan
6. Pembukaan atau penambahan akaun Simpan SSPN Prime sebanyak RM20.00
7. Tema berkonsepkan '**Fantasi**'

CARA PERTANDINGAN

8. **Pengawasan Ibu Bapa:**
Setiap bayi mesti mempunyai ibu bapa atau penjaga yang hadir sepanjang perlumbaan untuk memberi sokongan dan galakan.
9. **Fair Play:**
Bayi harus merangkak tanpa bantuan. Ibu bapa tidak dibenarkan menolak atau membimbing bayi mereka secara fizikal semasa perlumbaan.
10. **Garis Permulaan:**
Semua bayi akan memulakan perlumbaan dari garisan permulaan yang ditetapkan.
11. **Garis Penamat:**
Garis Penamat akan ditanda dengan jelas dan bayi pertama yang melepasi akan diisytiharkan sebagai pemenang.
12. **Penentuan Pemenang:**

Sekiranya berlaku seri (jika dua atau lebih bayi melepasi garisan penamat secara serentak), pegawai perlumbaan akan menentukan pemenang berdasarkan bayi mana yang mencapai garisan penamat terlebih dahulu mengikut pertimbangan mereka.

MEKANISME PERTANDINGAN

13. Terhad kepada 100 peserta sahaja.
14. 10 bayi akan bersaing dalam setiap 10 pusingan.
15. Bayi terpanas dalam setiap pusingan akan ke peringkat seterusnya iaitu pusingan akhir.
16. Masa perlumbaan, pasukan menggunakan jam randik atau pemasa untuk merekodkan masa yang diperlukan bagi setiap satu bayi untuk melengkapkan merangkak. Ini akan membantu dalam kes ada seri.
17. Isyarat permulaan, gunakan wisel atau jelas isyarat untuk memulakan perlumbaan

HADIAH PERTANDINGAN DAN TUNTUTAN HADIAH

PEMENANG	HADIAH
Juara	Tunai bernilai RM300 + Medal
Naib Juara	Tunai bernilai RM200 + Medal
Tempat Ketiga	Tunai bernilai RM100 + Medal
Saguhati x 2	Tunai bernilai RM50 + Medal
<i>Baby WOW! Superheroes</i>	Tunai bernilai RM100 + Medal

18. PTPTN tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kelewatan atau kegagalan menerima notifikasi atas apa-apa sebab, kesulitan teknikal yang berkaita
19. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
20. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh pengumuman pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di Simpan SSPN Plus. Jika pemenang tidak mempunyai kedua-dua akaun Simpan SSPN, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun Simpan SSPN Prime secara *pre-opening*.
21. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.

PERUNTUKAN UMUM

22. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di

dalam pertandingan ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan sepertimana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan terdahulu yang berkaitan dengannya.

23. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan/ atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana peserta. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan pertandingan ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peserta untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
24. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
25. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peserta tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
26. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.
27. Penyertaan peserta dalam pertandingan ini adalah atas risiko peserta sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
28. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung pertandingan ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat
29. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, video, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama peserta, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
30. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada peserta.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
**Baby Merangkak Race Simpan SSPN x Pa&Ma
Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2024***

Maklumat dikemas kini pada 17 September 2024